

Sidang Kemuncak Khas AS-ASEAN

# AS digesa guna agenda perdagangan lebih aktif

Amerika pelabur  
langsung asing  
terbesar dengan  
nilai dagangan  
cecah AS\$308.9b

**Washington:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggesa, Amerika Syarikat (AS) mengguna pakai agenda pelaburan dan perdagangan lebih aktif dengan ASEAN, yang sekali gus akan memanfaatkan Washington dari

segi ekonomi serta strategik.

Perdana Menteri yang berada di Washington bersama pemimpin ASEAN untuk menghadiri sidang kemuncak selama dua hari dengan Presiden AS, Joe Biden, turut menjelaskan beberapa kekecewaan dirasai Asia selepas AS keluar daripada pakatan perdagangan serantau pada 2017 ketika bawah pentadbiran bekas Presiden, Donald Trump.

Ismail Sabri berkata, AS adalah rakan penting ASEAN sebagai pelabur langsung asing terbesar serta rakan dagang kedua terbesar, dengan perdagangan dua hala mencecah nilai AS\$308.9 bilion pada 2020.



Ismail Sabri bersama Biden dan pemimpin negara ASEAN ketika Sidang Kemuncak Khas AS-ASEAN di Washington.

(Foto BERNAMA)

Beliau memberitahu sebuah forum perniagaan AS berserta pemimpin ASEAN yang lain, pandemik COVID-19 telah menunjukkan betapa pentingnya kerjasama serta perdagangan antarabangsa, dan kesalinghubungan rantaian bekalan serantau.

“Oleh itu, AS harus mengguna pakai agenda pelaburan dan perdagangan lebih aktif dengan ASEAN, yang akan memanfaatkan AS dari segi ekonomi serta strategik,” katanya, di sini, kelmarin.

Ismail Sabri turut merujuk penguatkuasaan inisiatif Perkongsian Ekonomi Komprehensif Se-

rantau (RCEP) yang disokong China, di mana ASEAN melihatnya sebagai wadah penting untuk merencanakan aktiviti ekonomi serta perniagaan serantau menerusi pengurangan ketara halangan perdagangan.

Beliau berkata, kira-kira 6,200 syarikat AS sedang beroperasi di ASEAN, yang mana kebanyakannya menggunakan rantau itu sebagai platform pengeluaran untuk eksport serantau dan seterusnya.

“Bagi meningkatkan lagi pertumbuhan mereka, saya menggalakkan perniagaan AS untuk memanfaatkan FTA (perjanjian

perdagangan bebas) terbesar itu, membabitkan pasaran yang meliputi 15 negara, terdiri daripada 2.3 bilion atau hampir satu per-tiga daripada populasi global serta Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia, sekali gus memanfaatkan peluang pelaburan yang luas,” katanya.

Pada sidang kemuncak secara maya bersama ASEAN, Oktober tahun lalu, Biden dilaporkan berkata, Washington akan mula berbincang mengenai pembangunan Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF) untuk meningkatkan pembabitkan dengan rantau itu.

REUTERS